

TUKAR BUDAYA JIKA INGIN MAJU

U.M. - 9 NOV 1992

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menukar budaya kerja jika mereka hendak mengikut jejak bangsa-bangsa lain yang maju di dunia.

"Tidak ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan dan tidak ada jalan mudah untuk membetulkan sesuatu," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di sini petang ini.

Beliau berkata, untuk memperbaiki nasib bangsa, orang Melayu mahu tidak mahu mestilah melalui jalan sukar, samalah seperti memakan ubat.

"Saya seorang doktor, setahu saya manalah ada ubat yang manis...semua ubat pahit tetapi yang pahit itulah yang akan menyembuhkan penyakit kita," ujar beliau.

Martabat

Dr. Mahathir berkata, martabat sesuatu bangsa itu tidak sahaja diukur dengan wang tetapi diukur dengan budaya kerja yang baik dan dengan penuh amanah.

Kerana itulah katanya, apabila syarikat Korea yang diserahkan kontrak membina Menara Maybank gagal menyiap-

kan projek itu mengikut tempoh, Kerajaan Korea sendiri campurtangan dan melantik sebuah syarikat lain dan memaksa syarikat itu meneruskan projek tersebut sehingga siap walaupun rugi.

"Mengapakah Kerajaan Korea melakukan ini semua? Tujuannya jelas, kegagalan syarikat yang pertama itu melibatkan nama baik dan imej Korea dan jika syarikat itu gagal, lain kali negara luar tidak akan lag-i dipercayai Korea.

"Begitulah budaya kerja yang mereka pegang dan inilah juga yang patut kita ikut," jelasnya.

Beliau seterusnya menunjukkan contoh bagaimana pe-

LIHAT MUKA 2

**KERJA
— DR. M**

TUKAR BUDAYA KERJA JIKA INGIN MAJU — DR. M

UM - 9 NOV 1992
kerja-pekerja di England mengambil masa berbulan-bulan hanya untuk mengecat Jabatan Penuntut Malaysia di London.

Menurut Dr. Mahathir, apabila kerajaan memilih Mitsubishi untuk projek Proton, Malaysia telah bekerjasama dengan orang-orang Jepun dan menghantar anak-anak Melayu ke negara itu.

Hasilnya, kata beliau, pekerja-pekerja Proton yang 90 peratus merupakan bumiputera telah berjaya menerapkan etika

kerja Jepun dan akhirnya Proton memperoleh pelbagai kejayaan termasuk memenangi medal emas dalam pameran kereta di United Kingdom sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Apa yang hendak dibuktikan di sini ialah tidak ada kerja susah yang tidak boleh kita lakukan, jadi itulah sebabnya saya meminta ahli-ahli UMNO supaya menerima hakikat bahawa tidak ada cara yang mudah untuk memajukan sesuatu bangsa," kata beliau.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir juga mahu orang Melayu mengikis sikap 'liat hendak membayar pinjaman' jika mereka mahu bank-bank memandang tinggi terhadap mereka.

"Bayarlah duit pinjaman barulah orang percaya pada kita kerana jika budaya ini tidak kita ubah sampai bilapun kita akan menghadapi masalah untuk mendapat kepercayaan bank," katanya.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir juga memuji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah menjalankan tugas dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan baik.

"Mereka telah menjalankan tugas dengan ikhlas dan saya tahu semua ini kerana saya melihat bagaimana mereka bertungkus-lumus untuk melaksanakan dasar-dasar yang kita buat hari ini," kata beliau.

Perdana Menteri juga menyebutkan bahawa kakitangan

kerajaan juga sedang cuba meningkatkan prestasi dan produktiviti kerja mereka dan ini terbukti apabila Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid baru-baru ini meminta kakitangan awam bekerja secara sukarela lebih setengah jam daripada waktu biasa.

Menurutnya, negara ini juga tidak boleh semata-mata bergantung kepada ahli-ahli UMNO untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu pilihan raya dan mengeneppikan sumbangan pihak lain termasuk kakitangan awam.

"Kita mahu pegawai-pegawai dan kakitangan awam terus menyokong kita kerana bilangan mereka ramai," jelas beliau.